



Ruj. Fail: JKRM 600-9/2/442


***NOTIS RALAT
SEBUTHARGA KERJA
JKR MELAKA TENGAH
MELAKA***

Sebutharga No : **JDMT(B) 15/2025**

Tajuk : **KERJA – KERJA NAIKTARAF BUMBUNG MASJID IMAM AL GHAZALI
BAKAR BATU BACHANG, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA**

RALAT : **PEMBETULAN PENGKHUSUSAN B 28 SAHAJA**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor(PPK), serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam **Gred:G3, Kategori: B, Pengkhususan: B 28 (Kontraktor BUMIPUTERA yang berdaftar di dalam NEGERI MELAKA sahaja)**. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan.
2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **22 JULAI 2025 (SELASA) Jam 9.00 pagi**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **(MASJID IMAM AL GHAZALI BAKAR BATU BACHANG)** pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini dengan mengikuti langkah S.O.P yang telah di tetapkan. Kontraktor diminta untuk membawa 1 (SATU) salinan sijil – sijil CIDB, PPK & STB sewaktu lawatan tapak.
3. Permohonan dokumen Sebut harga adalah secara Atas Talian (Online). Segala Urusan Tawaran, Pembelian dan keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my> .
4. Pihak syarikat perlu melengkapkan akaun serta langganan di **SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM)** dengan caj langganan **RM 50.00 setahun** dan seterusnya membuat pembelian dokumen sebut harga secara atas talian dengan harga **RM 50.00** bermula pada **23 Julai 2025 (RABU)** sehingga **29 Julai 2025 (SELASA)**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi selengkapnya.
5. Dokumen tawaran sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat bermeteri dan di alamatkan kepada **JURUTERA DAERAH JKR MELAKA TENGAH** dan dimasukan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat Unit Ukur Bahan, JKR Melaka Tengah, Melaka selewat-lewatnya jam **12.00 tengahari**, pada hari **SELASA, 29 Julai 2025**.



(Ir. MAHALIL BIN MOHTAR)

Jurutera Daerah,

JKR Melaka Tengah,

Melaka.

Tarikh: 18 hb. Julai 2025